

Mahathir tumpuan orang ramai di ibu kota

UM 16 APR 2005

KUALA LUMPUR 15 April — Kehadiran anak yatim istimewa dari Pulau Nias, Indonesia, Mahathir Mohamad di sekitar ibu kota hari ini menjadi tumpuan orang ramai yang berminat kepadanya.

Tidak kurang juga mereka yang menemuinya semata-mata untuk bergambar atau menghulurkan sumbangan ikhlas atas rasa kagum kepada kegigihan kanak-kanak berumur sembilan tahun itu.

Antaranya beberapa peniaga di Jalan Masjid India yang ditemuinya menghulurkan pelbagai buah tangan seperti tali pinggang dan jam tangan sebaik sahaja mengenali kanak-kanak kecil tersebut merupakan Mahathir.

Beliau yang jelas malu-malu ketika menerimanya tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka yang memberikan hadiah tersebut kepadanya.

“Saya mahu menghadiahkan jam tangan ini kepada rakan saya Amrul Faurin di Panti Asuhan,” katanya merujuk kepada jam-jam tangan yang dihadiahkan kepadanya itu.

Kanak-kanak tersebut yang tiba dari Medan semalam, meluangkan masa bersiar-siar dan membeli-belah di sekitar Kuala Lumpur terlebih dahulu sebelum berjumpa dengan idolanya, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mahathir pada sebelah petang.

Mahathir ditemani pengasuhnya yang juga ketua rumah anak-anak yatim Panti Asuhan Al-Wasliyah, Yorhamun Harefa mengunjungi Jalan Masjid India, Menara Kuala Lumpur dan Stesen TV3 di Damansara.

Dalam pada itu, Mahathir turut mendapatkan sepasang baju Melayu berwarna merah jambu untuk dirinya.

Di samping itu, dia juga membantu pengasuhnya memilih pakaian untuk 36 rakannya lain di Panti Asuhan tersebut.

Selepas selesai membeli-belah, Mahathir dibawa melawat Menara Kuala Lumpur bagi menyaksikan pemandangan sekitar Bandar raya Kuala Lumpur.

Mahathir nyata begitu seronok apabila pihak pengurusan Menara Kuala Lumpur menghadiahkan potret gambarnya ketika berada di atas Menara Kuala Lumpur.

Tetamu istimewa

Kemudian, Mahathir bertolak ke Stesen TV3 untuk menjadi tetamu istimewa dalam rancangan *Wanita Hari Ini*.

Dalam rancangan tersebut, Mahathir dipertemukan kembali dengan wartawan TV3, Ruhil Shafinaz Hussein yang pernah menemu bualnya ketika berada di Pulau Nias, Indonesia baru-baru ini.

“Saya mahu Panti Asuhan diselamatkan,” katanya ketika memperkatakan soalan yang akan ditanya kepada Tun Dr. Mahathir.

Beliau yang bercita-cita menjadi seorang doktor, berharap bekas Perdana Menteri Malaysia itu dapat membantu membangunkan Panti Asuhan yang musnah teruk akibat gempa bumi kuat yang melanda Pulau Nias baru-baru ini.